

NOTA TATABAHASA LENGKAP

- Mengikut DSKP
- Mengikut Buku Teks
- Merujuk Tatabahasa Dewan



**CIKGU ROHAIZA OMAR
SMK PUCHONG PERDANA**

TEMA 1: MEREALISASIKAN IMPIAN

BENTUK KATA TUNGGAL & KATA MAJMUK (HAL. 5)

(TATABAHASA DEWAN – halaman 61-68 Kata Tunggal, halaman 73-75 Kata Majmuk)

1. Perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu yang tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak mengalami proses penggandaan dan perangkaian tergolong ke dalam jenis kata tunggal.
2. Dua jenis kata tunggal
 - (i) kata tunggal yang mengandungi hanya satu suku kata
 - (ii) kata tunggal yang mengandungi dua suku kata atau lebih
3. Terdapat kata tunggal yang tidak pernah menerima apa-apa imbuhan seperti itu, ini, situ, sana namun kebanyakan kata tunggal dalam bahasa Melayu mempunyai potensi untuk diperluas dan menjadi bentuk terbitan.
4. Kata tunggal satu suku kata:

Pola gabungan Konsonan – Vokal		Contoh
1	KV	yu, ru, ya
2	VK	am
3	KVK	cat, lap, wang, tin, bin, roh, bah
4	KKVK	stor, pruf, gred, dram, krim, brek, dril, trak
5	KVKK	teks, seks, bank, zink, volt, golf, harp, kord
6	KKKV	skru
7	KKKVK	skrip, spring, straw

**wang -ng mewakili satu bunyi bahasa*

5. Kata tunggal dua suku kata

Pola gabungan Konsonan – Vokal		Contoh
1	V + KV	aku, ela, esa, itu, ibu, apa, iri, ubi
2	V + VK	aib, air, aur, ais
3	V + KVK	adik, emas, ubat, alas, ikan, ekor, izin, ulat
4	VK + KV	undi, impi, asli, unta, angka, ungka, erti
5	VK + KVK	umpan, angkat, ombak, empat, indah, undang, umbut, iblis
6	KV + V	dua, doa, tua, sua, dia, jua, sia, ria, bau, rua
7	KV + VK	jauh, tuah, buah, kuil, diam, liar, giat, kuih, liat, buih
8	KV + KV	jala, pasu, buku, guru, buka, beta, rata, leta, kita, rusa
9	KV + KVK	kapal, telur, sikat, hiris, pukul, jarum, parang, bakul, mulut, pasung
10	KVK + KV	lampu, binti, tunggu, sunti, tinggi, janji, bangsa, bangku, senda, sendi
11	KVK + KVK	bangsal, bintang, tampung, benteng, junjung, suntung, jemput, sandar

6. Kata tunggal tiga suku kata

Pola gabungan Konsonan – Vokal		Contoh
1	KV + V + KV	cuaca, suara, tuala, siapa, niaga, tiada, biasa, buaya, muara, biola
2	KV + V + KVK	biawak, piutang, siasat, siuman, buapak, siamang, ziarah, tualang, kiamat
3	V + KV + V	usia, anoa, urea, idea
4	KV + KV + V	semua, mulia, benua, peria, petua, deria, setia, boria, belia, barua
5	KVK + KV + V	tempua, mentua
6	KV + KV + VK	keruan, seluar, seluang, haluan, beruang, sekian, peluang, rasuah, maruah
7	KVK + KV + VK	mengkuang, mendiang, berlian, sengkuing, tempias, manfaat, lengkuas
8	V + KV + KV	utara, utama, irama, agama, usaha, aroma, ilahi, udara, asasi, azali
9	V + KV + KVK	ijazah, amanah, amaran, ibarat, akibat, aqidah, alamat, isyarat, amator

10	VK+KV+KV	indera, asrama, antara, istana, asmara, angkasa, angkana, umpama, isteri, almari
11	KV+KV+KV	keliru, budaya, teruna, sutera, terima, delima, seteru, rebana, berita, putera
12	KVK+KV+KV	menteri, bendera, kemboja, misteri, mentega, bestari, jendela, kembara, penjuru
13	VK+KV+VK	ilmiah, ikhtiar
14	V+KV+VK	akauan, elaun, ideal, amaun
15	KV+KV+KVK	belalang, senapang, senangin, kelamin, binatang, belukar, selaput, teratak
16	KVK+KV+KVK	tempurung, matlamat, cendawan, sembilan, tempayan, martabat, mahkamah
17	KV+KVK+KV	belanja, setinggi, kerengga, kelambu, keranda, selamba, kerangka, royalti
18	KVK+KVK+KV	sempurna
19	KV+KVK+KVK	kelongsong, belimbing, gelanggang, telanjang, pelantar, kelompok, gelombang

7. Kata tunggal empat suku kata dan lebih – kebanyakan kata pinjaman

Pola gabungan Konsonan – Vokal		Contoh
1	KV+KV+VK+KV	keluarga, biduanda, keluangsa
2	KV+KVK+KV+KV	sederhana, peristiwa, sayembara, belantara, sementara, bijaksana
3	KVK+KV+KV+KV	laksamana, sandiwara, harmonika, berbahaya, bendahara
4	KVK+KV+V+KV	sentiasa
5	KV+KV+KV+KV	bidadari, serigala, samudera, dinihari, sanubari, panorama, selesema
6	KV+KV+KV+KVK	salasilah, masyarakat, perajurit, munasabah, hulubalang, kapitalis
7	KVK+KV+KV+KVK	sentimeter
8	KVK+KVK+KV+KV	singgahsana, dispensari
9	KV+KV+V+KVK	mesyuarat, nasional
10	V+KV+KVK+KV+KV	universiti
11	KVK+KV+KV+KV+KVK	cenderawasih, kosmopolitan
12	KV+KV+KV+KV+KV+KV	maharajalela

KATA MAJMUK

- Proses pemajmukan ialah proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih dan bentuk yang terhasil membawa makna tertentu.
- Kata majmuk dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit, iaitu bentuknya tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain.
- Kata majmuk dipisahkan kepada tiga kelompok:
 - Kata majmuk yang terdiri daripada rangkaian kata bebas*
 - gambar rajah, alat tulis, bandar raya, tengah hari, kapal terbang, terima kasih, merah muda
 - termasuk gelaran – Perdana Menteri, Naib Canselor, Raja Muda, Setiausaha Politik
 - Kata majmuk yang berbentuk istilah khusus*
 - hak milik, pita suara, darah panas, kemas kini, cari gali, reka bentuk, garis pusat, lut sinar
 - Kata majmuk yang mendukung maksud kiasan iaitu simpulan bahasa*
 - kaki ayam, anak emas, berat tangan, duit kopi, makan angin, pilih kasih, buta hati

KATA MAJMUK YANG TELAH MANTAP

Terdapat sebilangan kecil kata majmuk yang penggunaannya sudah mantap dan dianggap satu perkataan yang utuh walaupun bentuk kata tersebut mengandungi dua kata dasar. Perkataan itu dieja satu perkataan.

- | | |
|-----------------|-------------------|
| 1. antarabangsa | 9. setiausaha |
| 2. beritahu | 10. sukarela |
| 3. bumiputera | 11. suruhanjaya |
| 4. jawatankuasa | 12. tandatangan |
| 5. kakitangan | 13. tanggungjawab |
| 6. kerjasama | 14. warganegara |
| 7. olahraga | 15. pesuruhjaya |
| 8. matahari | |

TEMA 2: INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA

KATA TERBITAN (HAL. 25)

(TATABAHASA DEWAN – halaman 69-73)

1. Kata terbitan ialah bentuk perkataan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan iaitu proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar.
2. Pengimbuhan ini melahirkan bentuk perkataan yang disebut kata terbitan.
3. Imbuhan terdiri morfem terikat sementara kata dasar ialah bentuk morfem bebas yang dapat menerima imbuhan.
4. Imbuhan ialah bentuk morfem yang tidak boleh hadir bersendirian dalam ayat, harus diimbuhkan dengan kata dasar.
5. Imbuhan dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu:
 - (i) awalan, yang hadir sebelum kata dasar
 - (ii) akhiran, yang hadir sesudah kata dasar
 - (iii) apitan, yang hadir secara mengapit kata dasar
 - (iv) sisipan, yang hadir di celahan kata dasar

Kata Terbitan Berawalan

- (i) Awalan kata nama

Bil	Awalan Kata Nama	Contoh
1	pe-	<i>pelari, perakus, penyapu</i>
2	pem-	<i>pembawa, pembuat, pembuka</i>
3	pen-	<i>pendatang, pendua, penderma</i>
4	peng-	<i>penggali, penggubal, pengguna</i>
5	penge-	<i>pengebom, pengetin, pengelap</i>
6	pel-	<i>pelajar</i>
7	per-	<i>perasap, perbara, pertapa</i>
8	pe-	<i>pesara, pesakit, petani</i>
9	ke-	<i>ketua, kelipat, kelepek</i>
10	juru-	<i>juruukur, juruwang, juruterbang</i>
11	maha-	<i>mahasiswa, mahaguru, maharaja</i>
12	tata-	<i>tatabuku, tatabahasa, tatacara</i>
13	pra-	<i>prasejarah, prakata, prasangka</i>
14	sub-	<i>subkelas, subsistem, substandard</i>
15	supra-	<i>suprakelas, supranasional, suprasegmental</i>
16	eka-	<i>ekabahasa, ekawarna, ekasamping</i>
17	dwi	<i>dwibahasa, dwifungsi, dwilambang</i>

- (ii) Awalan kata kerja

Bil	Awalan Kata Kerja	Contoh
1	me-	<i>melawan, menyikat, merasa</i>
2	mem-	<i>membawa, membilang, memfitnah</i>
3	men-	<i>mendaki, mendakwa, mentadbir</i>
4	meng-	<i>menggali, menggiling, mengikut, mengajar</i>
5	menge-	<i>mengecat, mengekod, mengetut</i>
6	memper-	<i>memperisteri, memperhamba, memperluas</i>
7	ber-	<i>berjalan, berganti, berserta</i>
8	be-	<i>beraja, berasa, berupa</i>
9	bel-	<i>belajar, belunjur</i>
10	ter-	<i>terjebak, terbentuk, terjerlus</i>
11	di-	<i>diatur, ditimbang, disusun</i>
12	diper	<i>diperisteri, dipercepat, diperoleh</i>

(iii) Awalan kata adjektif

Bil	Awalan Kata Adjektif	Contoh
1	ter-	<i>terbesar, terputih, terjernih</i>
2	te-	<i>teruncing, terendah, teringan</i>
3	se-	<i>secantik, secerah, setebal</i>

Kata Terbitan Berakhiran

(i) Akhiran kata nama

Bil	Akhiran Kata Nama	Contoh
1	-an	<i>pakaian, jahitan, mainan</i>
2	-wan	<i>sasterawan, angkasawan, usahawan</i>
3	-man	<i>budiman, seniman</i>
4	-wati	<i>seniwati</i>
5	-isme	<i>nasionalisme, sosialisme, komunisme</i>
6	-in	<i>hadirin, muslimin</i>
7	-at	<i>hadirat, muslimat</i>
8	-ah	<i>ustazah, sultanah</i>

(ii) Akhiran kata kerja

Bil	Akhiran Kata Kerja	Contoh
1	-kan	<i>buatkan, gunakan, besarkan, tinggikan</i>
2	-i	<i>turuti, duduki, berkatil, dekati</i>

Kata Terbitan Berapitan

(i) Apitan kata nama

Bil	Apitan Kata Nama	Contoh
1	pe-...-an	<i>pelaksanaan, perasaan, penyiaran</i>
2	pem-...-an	<i>pembuatan, pembinaan, pemfitnahan</i>
3	pen-...-an	<i>pentakrifan, pendapatan, pencarian</i>
4	peng-...-an	<i>penggunaan, pengguguran, pengkhayalan, pengairan</i>
5	penge-...-an	<i>pengehadan, pengesahan, pengesyoran</i>
6	pe-...-an	<i>pepesisiran, peperangan, pekarangan</i>
7	per-...-an	<i>persalinan, perkuburan, permainan, pergigian</i>
8	pel-...-an	<i>pelajaran</i>
9	ke-...-an	<i>kelainan, kelebihan, kedukaan</i>

(ii) Apitan kata kerja

Bil	Apitan Kata Kerja	Contoh
1	me-...-kan	<i>memainkan, melukakan, menakutkan</i>
2	men-...-kan	<i>mendermakan, mentakrifkan, menzarahkan</i>
3	mem-...-kan	<i>membaharukan, membaiki, memvetokan</i>
4	meng-...-kan	<i>menggunakan, menggandakan, menghairankan</i>
5	menge-...-kan	<i>mengepinkan, mengecamkan</i>
6	ber-...-kan	<i>beralaskan, berlaukkan, berlengankan</i>
7	ber-...-an	<i>berlanjutan, bermaafan, berjauhan</i>
8	di-...-kan	<i>dibiarkan, digunakan, disakitkan</i>
9	me-...-i	<i>melalui, memasuki, menyedari</i>
10	men-...-i	<i>mencurigai, mendendam, menziarahi</i>
11	mem-...-i	<i>membaharui, membohongi, mempercayai</i>
12	meng-...-i	<i>menganggotai, menggauli, mengairi</i>

13	di-...-i	<i>didekati, dimulai, diadili</i>
14	diper-...-kan	<i>diperdengarkan, diperlihatkan, diperbahaskan</i>
15	diper-...-i	<i>diperingati</i>
16	memper-...-kan	<i>memperdengarkan, memperlihatkan, memperjuangkan</i>
17	memper-...-i	<i>memperingati</i>
18	ke-...-an	<i>kehujanan, kehausan, kepanasan</i>

(iii) Apitan kata adjektif

Bil	Apitan Kata Adjektif	Contoh
1	ke-...-an	<i>keinggerisan, kearaban, kecinaan</i>

Kata Terbitan Bersisipan

(i) Sisipan kata nama

Bil	Sisipan Kata Nama	Contoh
1	-el-	<i>kelengkeng, telunjuk, kelabut</i>
2	-er-	<i>keruping, seruling, serabut</i>

(ii) Sisipan kata adjektif

Bil	Sisipan Kata Adjektif	Contoh
1	-el-	<i>kelebak, selerak, gelembung</i>
2	-er-	<i>serabut, gerigi</i>
3	-em-	<i>gemilang, semerbak, gemerlap</i>
4	-in-	<i>sinambung</i>

TEMA 3: MEMETIK BINTANG**AKRONIM (HAL. 37)****(TATABAHASA DEWAN – halaman 68-69)**

1. Akronim ialah kata singkatan yang terbentuk menggabungkan huruf awal suku kata atau gabungan kombinasi huruf awal dan suku kata daripada satu rangkaian kata.
2. Kata akronim boleh ditulis dengan tiga cara bergantung pada cara pembentukan akronim tersebut iaitu:
 - (i) Gabungan beberapa huruf awal rangkaian kata yang disingkatkan. Keseluruhannya ditulis dengan huruf besar jika kata nama khas
 - LUTH (*Lembaga Urusan dan Tabung Haji*)
 - ABIM (*Angkatan Belia Islam Malaysia*)
 - (ii) Gabungan huruf awal dan/ atau suku kata – ditulis dengan huruf kecil keseluruhannya jika bukan KNK
 - tabika (*taman bimbingan kanak-kanak*)
 - ubahsuai (*ubah suai*)
 - kugiran (*kumpulan gitar rancak*)
 - purata (*pukul rata*)
 - (iii) Gabungan huruf awal dan/atau suku kata itu menjadi kata nama khas – kata itu ditulis bermula dengan huruf besar
 - Bernama (*Berita Nasional Malaysia*)
 - Pernas (*Perbadanan Nasional*)
 - Intan (*Institut Tadbiran Awam Negara*)
 - Mara (*Majlis Amanah Rakyat*)
 - Petronas (*Petroleum Nasional*)
 - Proton (*Perusahaan Otomobil Nasional*)

TEMA 4: MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH


GOLONGAN KATA NAMA (HAL. 49)

(TATABAHASA DEWAN – halaman 85-88)

1. Golongan kata nama merangkumi sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti pada binaan frasa nama.
2. Lazimnya kata ini menamakan orang, tempat atau benda.
3. Golongan kata nama boleh dipecahkan kepada kata nama khas, kata nama am dan kata ganti nama berdasarkan ciri-ciri semantik perkataan tersebut.
4. Ciri-ciri semantik kata nama ialah makna yang didukung oleh setiap perkataan yang tergolong dengan kata nama.

KATA NAMA KHAS

1. Kata nama yang merujuk sesuatu benda yang khusus.
2. Ejaannya berpangkalan huruf besar.
3. Terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kata nama khas hidup dan kata nama khas tak hidup.




- (i) Kata nama khas hidup
 - (a) Manusia – Hamid, P. Ramlee, Tun Abdul Razak
 - (b) Bukan Manusia – Si Belang, *Vanda Diana* (orkid), Comel
- (ii) Kata nama khas tak hidup
 - Kuala Lumpur, Daya Bumi, Planet Marikh, Proton Saga

KATA NAMA AM

1. Kata nama am ialah perkataan yang merujuk benda-benda atau perkara-perkara yang umum sifatnya.
2. Kata nama am dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu:
 - (i) kata nama am abstrak
 - kata nama yang membawa konsep mujarab atau bukan kebendaan
 - contoh: mimpi, roh, kedamaian, perhimpunan, serapan
 - (ii) kata nama am konkrit
 - kata nama yang membawa konsep kebendaan
 - contoh: tangan, kambing, jambatan, kereta, pelabuhan, lautan

KATA GANTI NAMA

Terbahagi kepada dua subgolongan kecil iaitu kata ganti nama tunjuk dan kata ganti nama diri.



KATA GANTI NAMA TUNJUK

1. Kata ganti nama tunjuk ialah kata nama yang berfungsi menunjuk sesuatu perkara atau benda.
2. Terdapat dua kata ganti nama tunjuk iaitu:
 - (i) itu – untuk menunjuk pada yang jauh
 - (ii) ini – untuk menunjuk pada yang dekat


KATA GANTI NAMA DIRI

1. Kata ganti nama diri ialah kata nama yang menjadi pengganti sesuatu benda, perkara atau manusia.
2. Kata ganti nama diri terbahagi kepada dua kumpulan:
 - (i) kata ganti nama diri tanya
 - jenis kata nama yang berfungsi menanyakan hal benda, perkara atau manusia
 - tiga bentuk kata ganti nama diri tanya iaitu:
 - (a) siapa – yang merujuk orang
 - (b) apa – yang merujuk benda atau perkara
 - (c) mana – yang merujuk benda atau orang
 - (ii) kata ganti nama diri orang
 - jenis kata ganti nama yang merujuk manusia
 - terdiri daripada tiga kategori
 - (a) kata ganti nama diri orang pertama : saya, aku, beta, patik, kami, kita, hamba
 - (b) kata ganti nama diri orang kedua : saudara, kamu, awak, engkau, anda, kalian
 - (c) kata ganti nama diri orang ketiga : ia, dia, beliau, mereka, baginda, -nya

TEMA 5: MEMACU PRODUKTIVITI

GOLONGAN KATA KERJA – KATA KERJA TAK TRANSITIF (HAL. 61)
(TATABAHASA DEWAN – halaman 85-88 dan halaman 367-369)

1. Golongan kata kerja merangkumi sejumlah perkataan yang dapat menjadi unsur inti dalam binaan frasa kerja.
2. Terbahagi kepada dua kumpulan iaitu:
 - (i) kata kerja transitif
 - (ii) kata kerja tak transitif



KATA KERJA TAK TRANSITIF

1. Kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya.
2. Terdapat sejumlah kata kerja tak transitif yang mesti diikuti oleh pelengkap sementara yang lainnya tidak memerlukan pelengkap.
3. Kata kerja tak transitif terbahagi kepada:
 - (i) kata kerja tak transitif tak berpelengkap
 - bangun, tumbang, menjerit, menangis, melancong, menguning, berjalan, tersenyum
 - kata kerja tak transitif jenis ini tidak memerlukan apa-apa unsur sebagai pelengkap.
 - Contoh: Padi sedang *menguning*.
 - (ii) kata kerja tak transitif berpelengkap
 - beransur, tinggal, menjadi, berbuat, ada, berbantalkan
 - kata kerja yang tidak mempunyai makna yang lengkap sekiranya tidak diikuti oleh unsur pelengkap.
 - namun, unsur-unsur itu bukanlah objek kerana ayatnya tidak boleh dipasifkan.
 - (a) kata adjektif sebagai pelengkap
 - pelengkap kata adjektif seperti *genting, kukuh, jahat* hadir sesudah KKTT untuk melengkapkannya
 - Contoh: Kesihatan bapa beransur *baik*.
 - (b) frasa sendi nama sebagai pelengkap
 - FSN sebagai pelengkap yang hadir selepas KKTT mendukung makna 'tempat' sebagai unsur yang melengkapkan KKTT seperti *berada, tinggal, menetap*.
 - Contoh: Saya tinggal *di kampung*.
 - (c) kata nama sebagai pelengkap
 - ada KKTT tertentu yang harus diikuti oleh pelengkap kata nama
 - pelengkap yang demikian boleh dibezakan daripada kata nama sebagai objek atas dasar pelengkap tidak boleh dijadikan subjek dalam ayat pasif.
 - dua kumpulan KKTT yang memerlukan pelengkap demikian:
 - (i) kata kerja yang berimbuhan *ber-...-kan*
Contoh: Dia berbantalkan *lengan*.
 - (ii) KKTT *menjadi* dan *ada*
Contoh: Dia menjadi *guru*.
Orang itu ada *harta*.

TEMA 6: DUNIA PELANCONGAN
GOLONGAN KATA KERJA – KATA KERJA TRANSITIF (HAL. 77)

(TATABAHASA DEWAN – halaman 90-91 & halaman 143-145)

1. Kata kerja transitif ialah kata kerja yang menerima penyambut sesudahnya yang disebut objek.
2. KKT dibahagikan kepada dua, iaitu:

(i) KKT aktif

- kata kerja yang menerima awalan *meN-* dengan atau tanpa akhiran *-kan* dan *-i*.

(ii) KKT pasif

- kata kerja hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif.

Contoh: (a) Ali membeli buku. (aktif)

(b) Buku dibeli oleh Ali. (pasif)

Kata Kerja Transitif (Aktif)	Kata Kerja Transitif (Pasif)
makan	dimakan, kumakan, kaumakan
mengambil	diambil, kuambil, kauambil
menendang	ditendang, kutendang, kautendang
melihat	dilihat, saya lihat, kamu lihat
memasukkan	dimasukkan, kumasukkan, kaumasukkan
mengabaikan	diabaikan, saya abaikan, kauabaikan
menghasilkan	dihasilkan, kuhasilkan, kauhasilkan
memendekkan	dipendekkan, saya pendekkan, kamu pendekkan
memperisteri	diperisteri, kauperisteri
memperhangat	diperhangat, saya perhangat

3. Salah satu ukuran yang dapat digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu kata kerja itu transitif atau tidak adalah dengan melihat sama ada kata kerja itu dapat mengalami proses pasif.
4. Selain awalan *meN-* (*kan/i*) yang wujud dalam KKT aktif, Awalan *ter-* juga boleh hadir dalam kata kerja seperti *terlanggar*, *terpijak*, *tertelan*.

Contohnya: Bayi itu *terminum* racun serangga.

5. KK pasif juga boleh mengandungi awalan *ter-* seperti *terkarang*, *terbina*, *ternampak*.

Contohnya: Buku itu *terkarang* oleh Za'aba.

TEMA 7: DEMI KEDAMAIAN

GOLONGAN KATA ADJEKTIF (HAL. 89)

(TATABAHASA DEWAN – halaman 91-92)

1. Kata adjektif ialah sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif.
2. Golongan kata adjektif tidak mempunyai subgolongan yang ketara.
3. Kata adjektif dapat dibahagikan kepada sekurang-kurangnya sembilan kumpulan berdasarkan makna perkataan-perkataannya.

BIL	KATA ADJEKTIF	CONTOH
1	Sifat/ keadaan	baik, jahat, gopoh, buas, layu, sakit, tegas, sibuk, tenang, lemah, kasar
2	Warna	putih, kuning, biru, hijau, merah, hitam
3	Ukuran	panjang, pendek, kecil, nipis, tinggi, cetel, dalam, tohor
4	Bentuk	leper, bulat, lonjong, bujur, bulat
5	Pancaindra	(a) rasa : sedap, pahit, tawar, manis, masam, kelat (b) pandang: cantik, buruk, hodoh, ayu, molek (c) dengar : merdu, mersik, nyaring, bising (d) bau : harum, busuk, hapak, wangi (e) sentuh : halus, licin, kasar, lembut, lembik
6	Waktu	segera, spontan, lewat, lambat, awal
7	Cara	cepat, laju, deras, lambat, perlahan
8	Perasaan	rindu, geram, asyik, ghairah, benci, sayang, cinta
9	Jarak	jauh, dekat, hampir, nyaris

4. Kata adjektif boleh dikenal pasti dan dibezakan daripada kata nama atau kata kerja dengan cirinya yang boleh didahului atau diikuti oleh kata penguat.
5. Contohnya: *amat sakit, sakit amat*
6. Dalam ayat, kata adjektif berfungsi menerangkan keadaan atau sifat bagi suatu kata nama atau frasa nama.
Contoh: Adik saya tinggi *sebenar*.
Malam ini gelap *benar*.

TEMA 8: DALAM LIPATAN KENANGAN**GOLONGAN KATA TUGAS – PRAKLAUSA & PASCAKATA (HAL. 105)****KATA PRAKLAUSA****(TATABAHASA DEWAN –halaman 242-245)**

1. Kata praklausa ialah sejumlah perkataan yang terletak di hadapan klausa.
2. Tugas perkataan tersebut adalah untuk menimbulkan seruan, pertanyaan, pengiyaan atau sebagai penerang pangkal kepada klausa.
3. Bentuk-bentuk yang tergolong dalam kata praklausa ialah kata seru, kata tanya, kata perintah, kata pembenar dan kata pangkal ayat.

Kata Seru

1. Kata seru ialah kata yang berfungsi melahirkan pelbagai perasaan dan digunakan dalam ayat seruan.
2. Contohnya: *aduh, cis, celaka, wah, aduhai, amboi, oh, eh, syabas, wai*

Kata Tanya

1. Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu .
2. Contohnya: *mengapa, bila, bagaimana, berapa* .
3. Kata tanya hadir dalam ayat sebagai sebahagian daripada predikat.
4. Sekiranya kata tanya dikedepankan maka kehadirannya dalam bentuk tulisan hendaklah disertai partikel *-kah*.
5. Ada tiga bentuk kata ganti nama yang digunakan sebagai kata tanya iaitu *apa, siapa* dan *mana*.

Kata Perintah

1. Kata perintah ialah perkataan yang bertujuan menimbulkan sesuatu tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan, silaan dan permintaan.
2. Contohnya: *jangan, usah, sila, jemput, minta, tolong, harap*.

Kata Pembenar

1. Kata pembenar ialah perkataan yang mengesahkan sesuatu pernyataan.
2. Contohnya: *ya, benar* dan *betul*.
3. Contoh ayat: *Ya, itulah orangnya*.

Kata Pangkal Ayat

1. Kata pangkal ayat ialah perkataan yang hadir di bahagian hadapan ayat yang menjadi penanda kesinambungan ayat dalam wacana.
2. Contohnya: *hatta, maka, arakian, alkisah, adapun*

KATA PASCAKATA**(TATABAHASA DEWAN –halaman 274-275)**

1. Dalam bahasa Melayu terdapat satu kata yang hadir selepas perkataan.
2. Bentuk itu ialah *-nya* yang berfungsi:
 - (i) **kata penekan**
 - kata penekan ialah satu bentuk yang memberi penegasan kepada kata yang bergabung dengannya.
 - Contohnya: *sesungguhnya, nampaknya, bahawasanya*
 - Lapisan ozon *sesungguhnya* semakin nipis.
 - (ii) **kata pembenda**
 - kata pembenda ialah bentuk yang menjadikan sesuatu perkataan yang bukan daripada kata nama sebagai kata nama.
 - Contohnya: *lajunya, sakitnya, lantanganya, datangnya*
 - *Lajunya* ialah 100 km sejam.

TEMA 9: SAYANGI MALAYSIAKU**GOLONGAN KATA TUGAS – KATA HUBUNG (HAL. 119)****(TATABAHASA DEWAN –halaman 239-242)**

Kata hubung atau kata penyambung ayat ialah sejumlah perkataan yang berfungsi menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk.

Kata Hubungan Gabungan

- (i) Kata hubung gabungan ialah jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya.
- (ii) Ayat yang terbentuk yang menggunakan kata hubung gabungan ini disebut ayat majmuk gabungan.
- (iii) Contoh kata hubung gabungan: *dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil, kemudian*
- (iv) Contoh ayat:
 - Tetamu itu bangun *lalu* membasuh tangan.
 - Ahmad lulus ujian *tetapi* adiknya gagal.
 - Wanita itu memeluk anaknya *serta* membelai rambutnya.

Kata Hubung Pancangan

- (i) Kata hubung pancangan ialah jenis kata hubung yang menyambung klausa-klausa tak setara atau klausa pancangan pada klausa utama atau klausa induk.
- (ii) Terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

(a) Kata Hubung Pancangan Relatif

- kata hubung pancangan relatif ialah kata yang berfungsi menghubungkan klausa utama dengan satu klausa kecil yang lain.
- bentuk kata hubung jenis ini ialah *yang*.
- Contoh: Budak *yang* sedang membaca itu ialah adik saya.

(b) Kata Hubung Pancangan Komplemen

- kata hubung pancangan komplemen berfungsi menghubungkan satu klausa yang menjadi komplemen atau pelengkap pada satu klausa utama.
- dua contoh kata komplemen yang sering digunakan ialah *bahawa* dan *untuk*.
- Contoh: Guru itu mengatakan *bahawa* muridnya amat pintar.
Sungguh mustahil *untuk* dia melupakan kenangan pahit itu.

(c) Kata Hubung Pancangan Keterangan

- kata hubung pancangan keterangan berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada satu klausa utama.
- Contohnya: *kerana, sekiranya, kalau, hingga, sementara, ketika, walaupun, agar, semoga, andai kata, jika(jikalau), setelah, tatkala, sungguhpun, meskipun, supaya, kendatipun, semasa, sewaktu, untuk, apabila*.
- Dia sering dipuji *kerana* rajin belajar.
Semasa kami tiba mereka telah tiada.
Meskipun hari sudah lewat belum pulang juga.

TEMA 10: BAHASA BUGAR, SASTERA KEKAR
GOLONGAN KATA TUGAS – KATA PRAFRASA (HAL. 139)

(TATABAHASA DEWAN –halaman 245-274)

1. Kata prafrasa ialah sejumlah perkataan yang terletak di hadapan *frasa*, iaitu sama ada FN, FK, atau FA.
2. Kata prafrasa mendukung tugas-tugas maksud yang terkandung dalam ayat seperti tugas membantu, menguatkan, menegaskan, menafikan, memerikan, membantu, menyendikan, menunjukkan arah dan membilang.
3. Terdapat lapan jenis kata prafrasa.

Kata Bantu

1. Kata bantu ialah jenis perkataan yang bertugas membantu FK, FA dan FSN iaitu dengan menimbulkan makna-makna tambahan dari segi aspek waktu atau ragam.
2. Kata bantu terbahagi kepada dua, iaitu:
 - (i) Kata bantu aspek
 - kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa iaitu sama ada masa lampau, masa kini atau masa hadapan
 - bentuk-bentuk kata bantu ialah *telah, baru, pernah, sedang, masih, akan, belum*
 - Contoh ayat: Pekerja itu *telah* pulang.
Kami *pernah* ke utara Malaysia.
 - (ii) Kata bantu ragam
 - kata bantu ragam ialah bentuk kata yang menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan yang dilakukan.
 - Contohnya: *hendak, mahu, harus, mesti, boleh, dapat*
 - Contoh ayat: Ramai pemuda kini *mahu* bekerja.

Kata Penguat

1. Kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti kata adjektif .
2. Berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif.
3. Kata penguat terbahagi kepada:
 - (i) Kata penguat hadapan
 - kata penguat hadapan ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata adjektif.
 - Contohnya: *terlalu, paling, agak*
 - Contoh ayat: Sungai itu *agak* dalam.
 - (ii) Kata penguat belakang
 - kata penguat belakang ialah perkataan yang letaknya di belakang kata adjektif.
 - Contohnya: *sekali, benar, nian*
 - Contoh ayat: Indah *nian* pemandangan di sana.
 - (iii) Kata penguat bebas
 - kata penguat bebas ialah perkataan yang letaknya atau kedudukannya bebas sama ada di hadapan atau di belakang kata adjektif
 - Contohnya: *amat, sangat, sungguh*
 - Contoh ayat: Pakaian seragam pasukan itu *amat* kemas.
Pakaian seragam pasukan itu kemas *amat*.

Kata Penegas

1. Kata penegas yang disebut juga partikel ialah sejumlah perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat.
2. Terdapat dua jenis kata penegas:
 - (i) yang menegaskan hanya frasa predikat atau bahagian-bahagiannya. Contohnya: -kah, -tah, -lah
 - (ii) yang menegaskan kedua-dua bahagian ayat iaitu FN sebagai subjek atau bahagiannya atau frasa predikat atau bahagian-bahagiannya. Contohnya: *juga, jua, pun, sahaja, lagi, memang*
3. Kehadiran -kah, -lah, -tah sebagai penegas frasa predikat hanya berlaku apabila frasa predikat atau bahagian-bahagian yang ditegaskan itu mengalami proses pendepanan.
Contohnya: *Siapakah* majikan kamu? (BETUL), *Majikan kamu siapakah?* (SALAH)
4. Jenis kata penegas kedua bersifat bebas dari segi kehadirannya dalam ayat. Contoh: Kami *juga* ingin ke pekan.

Kata Nafi

1. Kata nafi ialah perkataan yang menjadi unsur nafi frasa-frasa predikat, iaitu FN, FK, FA dan FSN.
2. Ada dua bentuk kata nafi iaitu *bukan* dan *tidak*.
3. Kata nafi *bukan* boleh menjadi unsur nafi FN dan FSN.
Contoh ayat: Projek itu *bukan* saya punya.
Kereta api itu *bukan* dari Kuala Lumpur.
4. Kata nafi *tidak* ialah unsur nafi bagi FK dan FA.
Contoh ayat: Bapanya *tidak* pergi ke sawah.
Kenyataan itu *tidak* benar.
5. Walau bagaimanapun kata nafi *bukan* boleh juga hadir sebelum FK dan FA jika kedua-dua frasa tersebut mendukung maksud pertentangan maklumat.
Contoh ayat: Dia *bukan* kaya sangat tetapi pemurah orangnya. (FA)
Ucapannya *bukan* menghina kita tetapi sekadar mengingatkan sahaja. (FK)

Kata Pemerih

1. Kata pemerih ialah unsur yang menjadi pemerih hal atau perangka antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.
2. Pemerihalan itu dapat dilakukan melalui dua cara, iaitu:
 - (i) secara persamaan atau ekuatif dengan penggunaan kata pemerih *ialah*
 - hadir di hadapan FN
 - Contoh ayat: Dia *ialah* abang saya.
 - (ii) secara huraian atau kualitatif dengan penggunaan kata pemerih *adalah*
 - hadir di hadapan FA dan FSN
 - Contoh ayat: Sumbangan besar beliau *adalah* dari segi kewangan. (FSN)
3. Pada umumnya, kata pemerih tidak boleh hadir bersama-sama kata nafi.
 - Contohnya: Arahan itu *adalah* bukan untuk semua pelajar.
4. Terdapat kekecualian apabila kata nafi boleh wujud dalam binaan kata nafi dan FA.
 - Contohnya: Keputusan itu *adalah* tidak adil.
5. Kata pemerih tidak boleh hadir di hadapan FK atau kata kerja.
 - Contohnya: *Adalah* dimaklumkan bahawa mesyuarat pada hari ini dibatalkan.

Kata Sendi Nama

1. Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan FN.
2. Antara KSN yang lazim digunakan ialah: *di, ke, dari, daripada, kepada, pada, bagi, demi, tentang, seperti, bagi, umpama, laksana, sejak, terhadap, akan, oleh, hingga, antara, untuk, dengan, dalam, sampai, kerana*
3. Walaupun semua KSN hadir di hadapan KN atau FN, namun tiap-tiap satu mempunyai tugas atau fungsi yang berlainan dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan-peraturan yang khusus.
4. Ada antara KSN yang menganggotai golongan kata yang lain:
 - (i) *akan* (juga berfungsi sebagai kata bantu)
 - (ii) *dalam* (juga berfungsi sebagai kata nama arah dan kata adjektif)
 - (iii) *sampai* (juga berfungsi sebagai kata kerja)
 - (iv) *antara* (juga berfungsi sebagai kata nama arah)
 - (v) *untuk* (juga berfungsi sebagai kata hubung)
- (i) Kata sendi nama "**di**"
 - digunakan khusus di hadapan KN atau FN yang menunjukkan tempat
 - ditulis terpisah daripada KN atau FN yang mengikutinya
 - Contohnya: Ibunya bekerja *di* hospital.
 - KSN *di* tidak boleh digunakan di hadapan KN atau FN yang menerangkan waktu
 - Contohnya: Dia masih bujang *di* ketika itu. (SALAH), Dia masih bujang *pada* ketika itu. (BETUL)
- (ii) Kata sendi nama "**ke**"
 - digunakan di hadapan KN atau FN yang menunjukkan tempat atau arah yang dituju
 - digunakan juga di hadapan KN/FN yang menunjukkan waktu dan masa
 - dieja terpisah daripada KN/FN

-
- (a) menunjukkan tempat atau arah
 - Burung-burung itu terbang *ke* utara.
 - (b) menunjukkan waktu atau masa
 - Mereka mengadakan pemeriksaan dari semasa *ke* semasa.
 - KSN *ke* tidak boleh digunakan di hadapan KN/FN yang merujuk manusia atau binatang
Contoh: Tolong berikan barang ini *ke* Ali. (SALAH) Tolong berikan barang ini *kepada* Ali. (BETUL)
 - KSN *ke* sering berpadanan dengan sendi nama dari untuk membawa maksud arah ke suatu tempat atau waktu
Contoh: *dari* sebulan *ke* sebulan, *dari* bandar *ke* desa, *dari* hati *ke* hati
 - (iii) Kata sendi nama “*dari*”
 - Kata sendi nama dari digunakan di hadapan KN/FN yang menyatakan arah, tempat, waktu atau masa
 - (a) menunjukkan tempat atau arah
 - Contoh: Angin bertiup kencang *dari* arah selatan.
 - (b) menunjukkan waktu atau masa
 - Perkara itu telah diketahui *dari* tadi.
 - (iv) Kata sendi nama “*daripada*”
 - hadir di hadapan KN/FN yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda dan unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda dan perbezaan atau perbandingan
 - (a) menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda dan unsur mujarad
 - *Daripada* siapakah gerangan surat ini?
 - penggunaan KSN *daripada* bagi maksud punca tempat seperti negeri, pekan, kampung dianggap tidak betul. Contoh: Dia datang *daripada* Pahang. (SALAH)
 - (b) menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda
 - Ukiran itu diperbuat *daripada* logam.
 - (c) menunjukkan perbezaan atau perbandingan
 - *Daripada* Ali lebih baik Ahmad.
 - (v) Kata sendi nama “*kepada*”
 - terletak di hadapan KN/FN untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, unsur mujarad, menyatakan pecahan dan menyatakan perubahan keadaan.
 - (a) menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan dan unsur mujarad
 - Sisa makanan itu diberikan *kepada* kucing.
 - namun demikian, KSN *kepada* boleh digunakan di hadapan KN/FN yang merujuk institusi yang ada kaitan dengan manusia.
Contoh: Ibu bapa menghantar surat bantahan *kepada* sekolah itu.
 - (b) menyatakan pecahan
 - Peserta bengkel itu dibahagikan *kepada* dua kumpulan.
 - (c) menyatakan perubahan keadaan
 - Suhu badannya meningkat *kepada* 38°C.
 - KSN *kepada* sering digunakan untuk berpadanan dengan KSN *daripada*
daripada Ali *kepada* Aminah, *daripada* sederhana *kepada* cemerlang
 - Walau bagaimanapun penggunaannya yang merujuk tempat adalah tidak betul
daripada Johor *kepada* Perak
 - (vi) Kata sendi nama “*pada*”
 - digunakan di hadapan KN/FN untuk menunjukkan keterangan waktu dan tempat.
 - digunakan dalam ungkapan ada + *pada* (manusia dan haiwan) dalam beberapa situasi tertentu
 - (a) menunjukkan keterangan waktu apabila mendahului kata nama yang menyatakan waktu atau masa
Bas kami bertolak *pada* pukul tujuh pagi.
 - (b) KSN *pada* apabila didahului perkataan ada mesti diikuti oleh KN yang merujuk manusia/ haiwan
Wang itu ada *pada* ibu.
 - (c) sebagai perkataan yang terletak di hadapan KN yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja
Kaki lembu digantung *pada* cangkuk besi.

- KSN pada tidak boleh digunakan di hadapan KN yang membawa maksud sasaran Surat ini dikirim *kepada* siapa? (BETUL) Surat ini dikirim *pada* siapa? (SALAH)
- KSN pada digunakan juga dalam bentuk-bentuk ungkapan berikut:
Pada saya kejayaan yang dicapainya itu cukup memuaskan.

(vii) Kata sendi nama “*untuk*” dan “*bagi*”

- digunakan di hadapan KN/FN dengan fungsi tertentu
 - (a) menunjukkan kegunaan sesuatu
 - KSN *untuk* dapat bervariasi dengan KSN *bagi*
 - Asrama *untuk/ bagi* penuntut-penuntut sedang dibina.
 - (b) menyatakan maksud bahagian yang ditentukan atau diperuntukkan
 - KSN *untuk* tidak boleh ditukar ganti dengan KSN *bagi*
 - Hadiah ini *untukmu*. (BETUL) Hadiah ini *bagimu*. (SALAH)

(viii) Kata sendi nama “*demi*”

- KSN *demi* bertugas membawa makna tujuan
- digunakan di hadapan KN/FN
- Rakyat Malaysia mesti bersatu padu *demi* keamanan negara.
- Oleh sebab perkataan *demi* sudah membawa maksud tujuan, maka perkataan *untuk* yang sering digunakan dalam bentuk *demi untuk* dianggap lewah dan seharusnya digugurkan.
- KSN *demi* juga digunakan sebagai unsur penegas
Demi Allah, aku tidak melakukan perbuatan itu.
- KSN *demi* digunakan dalam ungkapan *untuk* melahirkan makna urutan satu atau sekumpulan
Buku itu disusun di atas meja satu *demi* satu.

(ix) Kata sendi nama “*tentang*”

- KSN *tentang* digunakan sebagai unsur yang membawa maksud *rujukan* sesuatu yang tidak tentu atau umum atau mujarad iaitu KN/FN yang mengikuti KSN ini akan menjadi *hal* yang diperlakukan atau dibicarakan.
Mereka berbincang *tentang* masalah negara.
Tentang perkara itu, kami perlu berbincang terlebih dahulu.
- KSN *tentang* sering digantikan penggunaannya dengan bentuk *mengenai* dan *mengenai dengan*. Perkataan *mengenai* sebenarnya tergolong sebagai KK yang membawa maksud kena pada.
- Walau bagaimanapun, penggunaan *mengenai* yang disamakan dengan *tentang* serupalah penggunaan bentuk KK lain seperti *melalui* iaitu berfungsi sebagai KSN walaupun kata itu tergolong dalam KK
- Antara laporan yang disediakan itu termasuklah ringkasan *mengenai* kebakaran tersebut. (BETUL)
Berita kematiannya dihebahkan *melalui* radio.

(x) Kata sendi nama “*seperti*”, “*bagai*”, “*umpama*”, “*laksana*”

- Keempat-empat KSN ini bersifat kelainan atau varian antara satu sama lain kerana mempunyai fungsi yang sama iaitu sebagai kata di hadapan KN/FN yang membawa maksud *perbandingan*.
Hatinya keras *seperti/ bagai/ umpama/ laksana* batu.

(xi) Kata sendi nama “*dengan*”

- KSN *dengan* di hadapan KN/FN digunakan untuk membawa maksud seperti:
 - (a) membawa maksud bersama-sama atau berserta
Ayah pergi ke pekan *dengan* ibu.
 - (b) membawa maksud cara sesuatu itu dilakukan
Sumbangannya kami terima *dengan* hati terbuka.
 - (c) membawa maksud memakai atau menggunakan iaitu sebagai alat.
Ali melukis potret itu *dengan* cat air.
 - (d) menyatakan keadaan perbandingan yang serupa atau sama
Hasilnya tidak setimpal *dengan* usahanya.

(xii) Kata sendi nama “*sejak*”

- KSN *sejak* / *semenjak* bertugas membawa maksud penanda waktu atau masa
- digunakan di hadapan FN/KN
Kami tinggal di Kampung Aman *sejak/ semenjak* dua tahun yang lalu.

(xiii) Kata sendi nama “*terhadap*”

- KSN *terhadap* digunakan sebagai unsur yang membawa maksud rujukan yang melibatkan penyambut yang tertentu sama ada manusia, haiwan atau benda.
Tanamilah rasa belas kasihan *terhadap* binatang.
- Terdapat kecenderungan penggunaan KSN *terhadap* sebagai unsur yang membawa maksud rujukan umum atau mujarad. Dalam hal ini penggunaan yang demikian harus diganti dengan KSN *tentang*.
Kerajaan sentiasa memberi perhatian *terhadap* kesejahteraan rakyat.... seharusnya Kerajaan sentiasa memberi perhatian *tentang* kesejahteraan rakyat.

(xiv) Kata sendi nama “*akan*”

- KSN *akan* digunakan di hadapan KN/FN yang merujuk manusia
- penggunaannya didahului oleh kata adjektif yang bersifat emotif.
Anak raja itu berahi *akan* Tuan Puteri Gemalai.
- Ada kecenderungan dalam kalangan penutur untuk menggunakan *kan* sebagai kelainan pada KSN *akan*
Anak raja itu berahikan Tuan Puteri Gemalai
- Bentuk-bentuk demikian hanya digunakan sebagai bentuk bahasa lisan dan seharusnya dielakkan dalam bahasa rasmi.

(xv) Kata sendi nama “*oleh*”

- KSN *oleh* digunakan di hadapan KN/FN untuk membawa maksud:
 - (a) menunjukkan hubungan pembuat dalam ayat pasif yang menggunakan bentuk-bentuk *di-, ter-, kena*
Kuih itu dibeli *olehnya*.
Buku Pelita Bahasa Melayu terkarang *oleh* Za’aba.
Pencuri itu kena tangkap *oleh* polis.
 - (b) menunjukkan hubungan yang membawa maksud sebab
Dia mati *oleh* senjatanya sendiri.
- Penggunaan *oleh* yang diikuti dengan *kerana* adalah salah kerana *oleh* merupakan KSN yang mesti diikuti oleh KN/FN sedangkan *kerana* ialah kata hubung keterangan.
- Penggunaan KSN *oleh* sebenarnya berpunca daripada *oleh* sebab yang kemudiannya berlaku pengguguran sebab secara pilihan
Pemain itu kalah *oleh* (sebab) kurang latihan.

(xvi) Kata sendi nama “*hingga*” dan “*sampai*”

- KSN *hingga* dan *sampai* digunakan di hadapan KN/FN untuk membawa maksud perihal peringkat dan had masa, waktu dan tempat.
- *Hingga* dan *sampai* dapat bertukar ganti antara satu sama lain.
Pegawai itu berjaga *hingga/ sampai* larut malam.

(xvii) Kata sendi nama “*dalam*” dan “*antara*”

- perkataan *dalam* dan *antara* yang berfungsi sebagai KSN dapat juga berfungsi sebagai kata arah
- sebagai KSN, *dalam* dan *antara* hadir di hadapan KN/FN yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak.
 - (a) dalam
 - *Dalam* hal ini, kita semua setuju.
 - (b) antara
 - Perjanjian *antara* kedua-dua buah negara itu sudah ditandatangani semalam.

Kata Arah

1. Kata arah ialah sejumlah perkataan yang hadir sebelum FN dan lazimnya sesudah KSN untuk menunjukkan hala atau jurusan.
2. Contoh kata arah ialah *atas, antara, bawah, tepi, belakang, tengah, dalam, luar, sisi, penjuru, sudut, segi, selatan, samping, timur, barat, hadapan, utara* dll.
Rumahnya terletak di *antara* sebuah tasik dengan sawah padi.
Tetamu itu masuk ke *dalam* dewan.

Kata Bilangan

1. Kata bilangan ialah sejumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada FN.
2. Kata bilangan dapat dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut ciri maknanya.
 - (a) kata bilangan yang menunjukkan jumlah yang tentu sifatnya yang disebut bilangan kardinal.
 - Contoh: *dua, dua puluh, seribu, sejuta*
 - (b) kata bilangan yang menunjukkan bilangan tak tentu
 - Contoh: *segala, semua, para, beberapa, sekalian, seluruh, banyak, sedikit* dll
 - Oleh sebab perkataan ini sudah menandakan jamak, KN yang mengikutinya tidak perlu diulang
 - ayat ini dianggap salah: *Segala* persiapan-persiapan telah dibuat.
 - (c) kata bilangan yang membawa maksud himpunan
 - Contoh: *beratus-ratus, beribu-ribu, berabad-abad, berguni-guni*
 - (d) kata bilangan yang membawa maksud pisahan
 - Contoh: *masing-masing, setiap, tiap-tiap*
 - (e) kata bilangan yang membawa maksud pecahan
 - Contoh: *setengah, separuh, seperempat, dua pertiga*
3. Perkataan *setengah-setengah* membawa maksud sebilangan daripada sesuatu dan ini berbeza daripada perkataan *setengah* yang membawa maksud separuh.
Setengah-setengah penduduk bandar tinggal di rumah pangsa.
Hanya *setengah* penduduk yang berpindah ke kawasan itu.
4. Lazimnya kata bilangan berpasangan dengan penjodoh bilangan untuk menjadi sejenis penerang KN yang mengikutinya.
lima orang murid
dua bilah pedang
setiap batang jalan

TEMA 11: EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA
FRASA NAMA, FRASA KERJA, FRASA ADJEKTIF & FRASA SENDI NAMA (HAL. 155)
(TATABAHASA DEWAN –halaman 337-409)

1. Frasa ialah satu kata/lebih yg dapat bertugas sebagai subjek, predikat atau objek dalam pembinaan sesuatu ayat
2. Binaan ayat dalam bahasa Melayu terdiri daripada dua konstituen utama iaitu subjek dan predikat.
3. Terdapat empat pola ayat dasar iaitu *FN+FN*, *FN+FK*, *FN+FA*, *FN+FS*.

FRASA NAMA

1. Dalam semua pola ayat di atas, FN berfungsi sebagai subjek.
2. FN hanya berfungsi sebagai predikat dalam pola *FN+FN*.
3. FN boleh juga hadir dalam konstituen objek iaitu konstituen yang hadir sesudah KKT dalam FK.
Orang itu (Subjek) memanggil (KKT) saya (objek). – FK
4. FN boleh duduk di bahagian unsur dalam predikat *FS*.
Mereka (subjek) di (SN) Kuala Lumpur (FN). – FS
5. Binaan FN:
 - (i) **Inti + penerang nama**
 - (a) penerang nama keturunan
 - menerangkan aspek salasilah pada inti KN
orang (Inti) Melayu (penerang nama keturunan)
 - (b) penerang nama jenis
 - menerangkan jenis-jenis tertentu bagi nama-nama itu
harimau (inti) bintang (penerang nama jenis)
 - (c) penerang nama penyambut
 - menerangkan perkara atau benda yang menjadi objek atau penyambut kepada alat atau pelaku yang ada pada inti
penyendal (inti) pintu (penerang nama penyambut)
 - (d) penerang nama kegunaan
 - unsur yang menerangkan makna fungsi atau peranan kepada inti
alat (inti) pemadam (penerang nama kegunaan)
 - (e) penerang nama kelamin
 - nama yang menerangkan jenis jantina bagi inti
anak (inti) perempuan (penerang nama kelamin)
 - (f) penerang nama tempat
 - unsur yang menerangkan lokasi bagi inti
penduduk (inti) bandar (penerang nama tempat)
 - (g) penerang nama arah
 - unsur yang menerangkan hala bagi inti
kawasan (inti) barat (penerang nama arah)
 - (h) penerang nama anggota badan
 - menerangkan bahagian tubuh badan yang berkaitan dengan inti
gelang (inti) kaki (penerang nama anggota badan)
 - (i) penerang nama tenaga penggerak
 - unsur yang menyatakan daya yang menggerakkan benda dalam inti
dapur (inti) gas (penerang nama tenaga penggerak)
 - (j) penerang nama perihal atau perkara
 - unsur yang menerangkan hal atau perkara tentang inti
surat (inti) perjanjian (penerang nama perihal atau perkara)
 - (k) penerang nama milik
 - menerangkan kepunyaan bagi benda dalam inti
rumah (inti) kerajaan (penerang nama milik)
 - (l) penerang nama khas
 - jenis perkataan yang merujuk kata nama khas bagi menerangkan inti
planet (inti) Marikh (penerang nama khas)

- (m) penerang nama panggilan atau gelaran
- unsur yang merujuk nama jolokan atau penghormatan kepada makhluk atau benda
 - bentuk ini merupakan kecualian kepada bentuk susunan inti +penerang nama iaitu penerang terletak di hadapan inti.
- Haji (penerang nama panggilan atau gelaran) Ali (inti)*

(ii) Inti + penerang bukan nama

- FN juga boleh terbentuk daripada inti yang menerima penerang bukan daripada jenis KN
 - penerang bukan nama terdiri daripada penerang-penerang yang dibentuk oleh perkataan yang bukan daripada kelas KN.
- (a) penerang penentu
- unsur yang memberi sifat ketentuan kepada KN dan kedudukannya boleh di hadapan atau di belakang inti.
 - ada dua golongan penentu KN iaitu
 - I. Penentu hadapan
 - o unsur-unsur yang hadir di hadapan KN
 - o unsur-unsur itu terdiri daripada *kata bilangan* yang boleh diikuti oleh penjodoh bilangan
lima(kata bilangan) orang (penjodoh bilangan) askar (inti)
 - o kata abstrak tidak boleh menerima penjodoh bilangan seperti *sebuah keberanian*.
 - o kata bilangan jenis tak tentu juga tidak boleh menerima penjodoh bilangan seperti semua, segala sedikit. Contoh: *semua batang pen*.
 - II. Penentu belakang
 - o unsur-unsur yang hadir sesudah KN
 - o unsur-unsur itu terdiri daripada kata penentu *itu* dan *ini*
orang (inti) itu(penentu belakang).
- (b) penerang kata kerja atau akar kata kerja
- menerangkan kelakuan yang berkaitan dengan inti.
tuala (inti) mandi (penerang kata kerja)
- (c) penerang kata adjektif
- unsur yang menerangkan makna sifat bagi inti
anak (inti) muda(penerang kata adjektif)
- (d) penerang frasa sendi nama
- unsur-unsur yang mengandungi kata sendi dengan diikuti KN/FN
 - mendukung makna *tempat, waktu, bahan asal* dan *matlamat*.
wang (inti) pada (sendi nama) saya (nama)
- (e) penerang bilangan ordinal
- kata bilangan yang menunjukkan kedudukan dari segi urutan bilangan seperti pertama, kedua
 - unsur-unsur demikian hadir sesudah inti
tempat (inti) ketiga (penerang bilangan ordinal)

FRASA KERJA

1. FK ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan kata intinya KK.
2. KK tersebut boleh merupakan KKT atau KKTT.
3. KKTT boleh hadir bersendirian atau diikuti oleh satu atau sederetan perkataan.
4. KKT mesti diikuti oleh objek serta unsur-unsur lain.
5. Binaan FK terdiri daripada dua jenis:

(i) Binaan FK Tanpa Objek

- FK yang tidak mengandungi FN sebagai objek terdiri daripada satu jenis kata sebagai intinya yang disebut kata kerja tak transitif.
- KKTT ialah sejenis kata yang tidak perlu disambut oleh sebarang FN sebagai objek untuk melengkapkannya.
- ada tiga jenis KKTT:

- (a) KKTT tanpa pelengkap
- tidak memerlukan apa-apa unsur sebagai pelengkap.
 - KK mempunyai makna yang sempurna seperti *bangun, tumbang, pulang, menguning*.
Semua penonton bangun.
- (b) KKTT dengan pelengkap
- KK yang tidak mempunyai makna yang lengkap sekiranya tidak diikuti oleh unsur pelengkap.
 - namun, unsur-unsur ini bukanlah objek kerana ayatnya tidak boleh dipasifkan.
 - contohnya: *beransur, menjadi, tinggal, berbuat, ada, berbantalkan, bertilamkan*
 - unsur-unsur yang menjadi pelengkap kepada KKTT terbahagi kepada tiga jenis:
 - I. Kata adjektif sebagai pelengkap
 - pelengkap kata adjektif seperti *genting, kukuh, jahat* dll hadir selepas KKTT untuk melengkapkannya
Kesihatan bapanya beransur baik.
 - II. FSN sebagai pelengkap
 - FSN sebagai pelengkap yang hadir selepas KKTT mendukung makna ‘tempat’ sebagai unsur yang melengkapkan KKTT seperti *berada, tinggal, singgah*.
Saya tinggal di kampung.
 - III. KN sebagai pelengkap
 - ada KKTT tertentu yang harus diikuti oleh pelengkap KN
 - pelengkap ini boleh dibezakan daripada KN sebagai objek atas dasar pelengkap tidak boleh dijadikan subjek dalam ayat pasif.
 - ada dua kumpulan KKTT yang memerlukan pelengkap sebegini iaitu:
 - KK yang berimbuhan *ber-...-kan*
Dia berbantalkan lengan.
 - *menjadi* dan *ada*
Orang itu ada harta.
- (c) KKTT dengan KN sebagai penerang
- KN sebagai penerang yang mengikuti KKTT bukanlah objek kerana ayat yang mengandungnya tidak boleh dipasifkan.
 - KN itu hanya menjadi penerang bagi KKTT dan bukan pelengkap kerana KN penerang boleh ditiadakan tanpa merosakkan kesempurnaan makna KK tersebut.
Lelaki itu (subjek) berseluar(KK) jean(penerang) – FK

(ii) Binaan FK Dengan Objek

- FK yang mengandungi FN sebagai objek ialah yang dibentuk oleh KKT sebagai intinya dan FN yang mengikuti KK itu sebagai objek atau penyambutnya.
- Ayat-ayat yang mengandungi FN sebagai objek boleh dipasifkan.
Mereka makan ayam goreng itu. (AA)
Ayam goreng itu dimakan oleh mereka. (AP)
- Perkataan yang dicondongkan menjadi subjek atau unsur yang diterangkan dalam ayat yang dipasifkan.
- FK yang mengandungi FN sebagai objek dibahagikan kepada dua jenis:
 - (a) FK dengan Satu Objek
 - FK dengan satu objek seperti ayat
Saya menjawab surat itu.
Mesin itu mengepam air.
 - Terdapat sejumlah perkataan yang berbentuk KK tetapi membawa makna adjektif.
 - Perkataan ini boleh menerima *kata penguat* dan FN yang mengikutinya boleh digugurkan.
Kejadian itu sangat menyeramkan (kami).
Saya percaya peristiwa semalam sangat menakutkan (mereka).
 - (b) FK dengan Dua Objek
 - FK yang dibentuk oleh KKT sebagai intinya boleh mengandungi dua FN yang menjadi objek kepada KK tersebut.
 - Objek-objek ini mempunyai fungsi yang berbeza-beza dan boleh disebut sebagai *objek tepat* dan *objek sipi*.

- Objek tepat ialah objek yang menjadi penyambut secara langsung kepada KK itu
- Objek sipi ialah yang tidak menjadi penyambut secara langsung kepada KK itu
Ahmad menghadiahkan buku kepada Ali.
(Dua FN yang berfungsi sebagai objek kepada KK ialah Ali dan buku. Objek tepat kepada KK ialah Ali manakala buku ialah objek sipi.)
- Apabila ayat ini dipasifkan hanya FN yang menjadi objek tepat yang akan mengalami penjudulan iaitu menjadi subjek atau unsur yang diterangkan.
Ali dihadahi buku oleh Ahmad.
Buku dihadahi Ali oleh Ahmad. (tidak gramatis)

FRASA ADJEKTIF

1. Frasa adjektif ialah susunan perkataan yang terdiri daripada satu atau beberapa perkataan yang mengandungi kata sifat atau kata adjektif sebagai intinya.
2. FA berfungsi sebagai predikat dan juga sebagai unsur keterangan dan unsur penerang dalam predikat.
3. Sebagai unsur keterangan, KA hadir sesudah KK.
4. Sebagai unsur penerang, KA hadir sesudah KN.
 - (i) FA sebagai predikat
Adiknya(FN) sangat pandai (FA).
Warna bajunya (FN) kemerah-merahan (FA).
 - (ii) FA sebagai unsur keterangan dalam predikat
Dia (subjek) berjalan (FK) sangat cepat (Keterangan-FA).
Jalan itu (subjek) menurun (FK) amat curam (Keterangan-FA).
 - (iii) FA sebagai unsur penerang
Dia (subjek) budak (FN) pandai (penerang).
Asam pedas (subjek) masakan (FN) asli (penerang).
5. Bahagian inti FA terdiri daripada dua jenis:
 - (i) Binaan satu perkataan
 - binaan ini terdiri daripada satu KA seperti *rajin*, *tinggi*, *baik* dll
Penyambut tetamu itu baik.
 - contoh ayat di atas ialah KA yang terdiri daripada satu kata dasar iaitu perkataan-perkataan tanpa imbuan
 - KA boleh juga terdiri daripada perkataan-perkataan berimbuan seperti *sepandai*, *kemelayu-melayuan*
Penyambut tetamu itu tidak sebaik Alia.
 - (ii) Binaan dua perkataan
 - binaan jenis ini terdiri daripada dua perkataan iaitu:
 - (a) Kata Adjektif +Kata Adjektif
 - dua KA yang menekankan unsur keserasian makna
riang gembira, lemak manis, kurus kering
 - dua KA yang maknanya berlawanan
tua muda, tinggi rendah, kecil besar
 - deretan dua KA dengan perkataan kedua digunakan oleh sebab unsur rima iaitu keindahan bunyi
tinggi lampai, gemuk gedempol, kaya raya
 - (b) Kata Adjektif + Kata Nama
 - terdiri daripada KA yang menjadi inti frasa dengan KN sebagai penerangnya.
 - FA yang membawa maksud keserupaan
merah jambu, hijau daun, kuning langsung
 - FA yang membawa maksud kiasan
panjang tangan, banyak mulut, terang tanah
 - cantuman KA + KA dan KA + KN membentuk konstituen baharu dengan makna baharu.

FRASA SENDI NAMA

1. FSN ialah satu binaan dalam ayat yang terdiri daripada satu kata sendi nama atau satu frasa nama yang menjadi pelengkap kepada kata sendi nama itu.
2. KSN ialah bentuk morfem atau kata yang letaknya di hadapan FN.
3. FSN boleh juga didahului kata bantu
4. Binaan FSN:
 - (i) KSN + FN
 - KSN wujud sebagai perkataan yang letaknya di hadapan FN
di (KSN) jambatan (FN)
daripada (KSN) kayu (FN)
kepada (KSN) Mak Cik Bedah (FN)
 - (ii) KSN + KN Arah + FN
 - KSN wujud sebagai perkataan yang letaknya di hadapan FN yang didahului satu unsur kata nama arah.
 - Walau bagaimanapun, FSN boleh juga wujud tanpa kata nama arah.
di (KSN) hadapan(KN Arah) taman (FN)
untuk (KSN) dalam (KN Arah) negara (FN)
 - (iii) KSN + (KN Arah) + FN + (Frasa Keterangan)
 - terbentuk apabila FN yang menjadi pelengkap kepada KSN itu diikuti keterangan.
 - unsur keterangan hadir secara pilihan.
ke(KSN) utara (KN Arah) negeri Korea (FN) pada bulan lepas (Keterangan)
dari (KSN) selatan (KN Arah) Kelantan (FN) dengan keluarganya (Keterangan)
 - unsur keterangan dalam ayat-ayat di atas boleh disongsangkan
Pada bulan lepas Ahmad ke utara negeri Korea.
5. Dalam ayat, FSN boleh hadir sebagai:
 - (i) Predikat
 - Predikat FSN ialah konstituen yang hadir selepas subjek dalam ayat yang mempunyai susunan yang biasa
Bapanya daripada keluarga diraja.
 - (ii) Keterangan
 - FSN boleh wujud sebagai unsur keterangan kepada FK, FA dan FN
 - (a) FSN keterangan FK
 - o boleh mendukung beberapa makna seperti *keterangan, masa, tempat, bandingan, tujuan, hal, penyertaan, alat.*
Bapanya memukul ular itu dengan kayu. (alat)
Kita harus berusaha demi kejayaan bersama. (tujuan)
 - (b) FSN keterangan FA
 - o mendukung makna-makna keterangan *bandingan, hal, masa dan tujuan*
Budak itu gemuk seperti gajah. (bandingan)
Bayi itu lapar pada waktu malam. (masa)
 - (c) FSN keterangan FN
 - o mendukung makna *keterangan, tempat, pembuat, sumber, masa, asal dan tujuan*
Rumah-rumah di kampung tidak semuanya kecil.(tempat)
Lukisan oleh Jasni telah memenangi hadiah pertama. (pembuat)

TEMA 12: ASLI DAN KONTEMPORARI

POLA AYAT DASAR (HAL. 169)

(TATABAHASA DEWAN –halaman 321-322, 418-420)

1. Ayat dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain dalam sesuatu bahasa.
2. Melalui pola ayat dasar, maka terbentuklah ayat-ayat yang lain seperti ayat tunggal,majmuk, aktif, pasif dan sebagainya.
3. Setiap ayat dasar terbentuk daripada dua unsur iaitu subjek dan predikat.
4. Ayat dasar juga dikenali sebagai ayat mudah atau ayat inti.
5. Ada empat pola ayat dasar berdasarkan unsur-unsur binaan ayat:

Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)	Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)	Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)	Frasa Nama+ Frasa Sendi (FN+FS)
Contoh: Ali pelajar. Ali (FN) + pelajar (FN)	Contoh: Ali berlari. Ali (FN) + berlari (FK)	Contoh: Ali tinggi. Ali (FN) + tinggi (FA)	Contoh: Rumah Ali di tepi sungai. Rumah Ali (FN) + di tepi sungai (FS)
Ibu / guru. Bapa / nelayan. Kakak / jururawat. Datuk / Menteri Besar. Abang / polis. Pakcik saya/ wartawan. Dia/ pengemis. Beliau/ juruterbang.	Pelajar / berlari. Guru / mengajar. Adik / tidur. Lalat / terbang. Kipas / berpusing. Anjing/ mengejar kucing. Nenek/ mengait baju. Kucing itu/ mengiau.	Sekolah / besar. Kucing / gemuk. Gagak / hitam. Almari / tinggi. Pelajar / rajin. Kambing/ hitam. Jam/ besar. Menara/ tinggi.	Buku / di dalam beg. Nelayan / ke laut. Jururawat / dari hospital. Kuih / daripada tepung. Surat / untuk Pengetua. Surat itu/ kepada Ibu.

TEMA 13: SEGALANYA BERMULA DI SINI**TEMA 14: SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU****AYAT TUNGGAL SUSUNAN BIASA & SONGSANG, AYAT MAJMUK (HAL.181, 193)****AYAT TUNGGAL SUSUNAN BIASA & SONGSANG
(TATABAHASA DEWAN –halaman 456-462)**

1. Ayat tunggal dibina oleh dua konstituen iaitu *subjek dan predikat*.
2. Ayat tunggal mempunyai dua susunan iaitu
 - (i) Susunan biasa
 - kedudukan konstituen subjek di hadapan predikat
Seorang guru (Subjek) telah memenangi hadiah itu (Predikat).
Penyalahgunaan dadah (Subjek) merosakkan remaja (Predikat).
 - (ii) Susunan songsang
 - wujud dalam susunan songsang melalui proses pendepanan atau penjudulan.
 - unsur-unsur dalam konstituen predikat hadir di hadapan subjek.
 - proses pendepanan berlaku melalui:
 - (a) Pendepanan seluruh predikat
 - berlaku pada ayat binaan pendek.
 - seluruh konstituen predikat dibawa ke hadapan mendahului subjek
Perangai baik sungguh.(susunan biasa)
Baik sungguh perangainya. (susunan songsang)
 - Proses pendepanan berlaku juga pada ayat yang mengandungi kata penegas -kah,-lah,-tah
Adik kami datang semalam. (susunan biasa)
Datangkah adik kami semalam? (susunan songsang)
 - (b) Pendepanan sebahagian daripada predikat
 - Pendepanan Frasa Kerja
 - Pendepanan kata kerja:
Hati saya tersinggung tadi. (susunan biasa)
Tersinggung hati saya tadi. (susunan songsang)
 - Pendepanan kata kerja dengan objek.
Zaleha membaca buku di perpustakaan. (susunan biasa)
Membaca buku Zaleha d i perpustakaan. (susunan songsang)
 - Pendepanan kata bantu dengan kata kerja.
Murid-murid itu masih makan. (susunan biasa)
Masih makan murid-murid itu. (susunan songsang)
 - Pendepanan Frasa Adjektif
 - Pendepanan kata adjektif sahaja.
Dia sakit pada masa itu. (susunan biasa)
Sakit dia pada masa itu. (susunan songsang)
 - Pendepanan kata adjektif dengan kata bantu.
Rumah Kak Zue masih teguh. (susunan biasa)
Masih teguh rumah Kak Zue. (susunan songsang)
 - Pendepanan kata adjektif dengan kata penguat.
Encik Zaidi sangat segak. (susunan biasa)
Sangat segak Encik Zaidi. (susunan songsang)
 - Pendepanan kata adjektif, kata bantu dengan kata penguat
Haji Nasser masih segak amat. (susunan biasa)
Masih segak amat Haji Nasser. (susunan songsang)

- c) Pendepanan Frasa Sendi Nama
 - proses ini mengalihkan unsur FSN ke bahagian hadapan iaitu mendahului subjek.
 - FSN ini dalam ayat susunan biasa hadir pada konstituen predikat sama ada predikat FSN atau sebagai keterangan dalam predikat.
 - Frasa sendi nama sebagai predikat.
 - Rantai emas itu untuk ibu.* (susunan biasa)
 - Untuk ibu rantai emas itu.* (susunan songsang)
 - Frasa sendi nama sebagai keterangan dalam predikat.
 - Penonton-penonton merempuh masuk ke dalam dewan.* (susunan biasa)
 - Ke dalam dewan penonton-penonton merempuh masuk.* (susunan songsang)

FORMULA AYAT SONGSANG.

Ayat susunan biasa:

Kami membeli buku di kedai itu.

Cara Songsangan Ayat:

Nomborkan penggalan ayat.

1	2	3
Adik	membeli	buku di kedai itu.
KGND - Pertama	Frasa Kerja Transitif	Objek
Subjek	Predikat	Frasa Keterangan

FORMULA:

Ayat Biasa : 1+2+3

Ayat songsang:

- i. 2+3+1
- ii. 2+1+3
- iii. 3+1+2
- iv. 3+2+1

Ayat Biasa:

1	2	3
Kami	membeli buku	di kedai itu.

Contoh ayat songsang (i)

2	3	1
Membeli buku	di kedai itu	kami

Contoh ayat songsang (ii)

2	1	3
Membeli buku	kami	di kedai itu

Contoh ayat songsang (iii)

3	1	2
Di kedai itu	kami	membeli buku

Contoh ayat songsang (iv)

3	2	1
Di kedai itu	membeli buku	kami

AYAT MAJMUK**(TATABAHASA DEWAN –halaman 477-500)**

1. Ayat majmuk ialah ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih
2. Percantuman ayat-ayat itu disusun mengikut cara tertentu sehingga menjadikannya ayat baharu.
3. Bentuk ayat majmuk terbahagi kepada *ayat majmuk gabungan*, *ayat majmuk pancangan* dan *ayat majmuk campuran*.

AYAT MAJMUK GABUNGAN

1. Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua atau lebih yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung gabungan.
2. Ayat-ayat yang disambungkan setara sifatnya iaitu ayat-ayat itu sama taraf dan boleh berdiri sendiri.
Ali kurus tetapi adiknya gemuk.
Ibu hendak ke pejabat atau ke rumah sakit.

AYAT MAJMUK PANCANGAN

1. Ayat majmuk pancangan terdiri daripada beberapa ayat yang kedudukan antara ayat-ayat itu tidak sama.
2. Terdapat satu ayat utama atau ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancarkan di dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk.
3. Tiga jenis ayat majmuk pancangan:
 - (i) Ayat Relatif
 - ayat yang dikenal dengan penggunaan kata hubung *yang*
Saya membeli baju yang berwarna merah itu.
Saya membeli baju. Baju itu berwarna merah.
 - (ii) Ayat Komplemen
 - ayat yang dikenal dengan penggunaan kata hubung *bahawa* dan *untuk*
Dia menyatakan bahawa murid itu keluar dari kelas.
Dia menyatakan. Murid itu keluar dari kelas.
 - Jenis-jenis ayat komplemen:
 - (a) Ayat komplemen FN
 - o ayat komplemen FN hanya menduduki dua tempat iaitu sebagai:
 - (i) ayat komplemen frasa nama subjek
Bahawa rancangan itu gagal adalah tidak benar.
 - (ii) ayat komplemen frasa nama objek tepat
Orang itu menafikan bahawa buah mangga yang dihantarnya telah rosak.
 - (b) Ayat komplemen FK
 - o ayat-ayat komplemen berfungsi sebagai pelengkap kepada KK ini yang bukan FN
Pak Mad berpendirian bahawa tanah itu patut dijual.
 - (c) Ayat komplemen FA
Saya yakin bahawa dia akan berjaya dengan cemerlang.
 - (iii) Ayat Keterangan
 - ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat.
Dia bukan ketua saya ketika saya bekerja dahulu.
Dia bukan ketua saya. Saya bekerja dahulu.
 - Jenis-jenis ayat keterangan:
 - (a) Keterangan musabab
 - o unsur yang menerangkan sebab berlakunya sesuatu kejadian atau perbuatan.
 - o kata hubung keterangan musabab seperti *kerana*, *lantaran* dan *oleh sebab*.
Oleh sebab mereka datang lewat mereka tidak dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan.
 - (b) Keterangan akibat
 - o unsur yang menerangkan kesan atau hasil sesuatu perbuatan.
 - o kata hubung keterangan akibat seperti *hingga* dan *sehingga*.
Kami bersorak sehingga serak suara.

- (c) Keterangan syarat
- unsur yang menerangkan tuntutan yang mesti dipenuhi.
 - kata hubung keterangan syarat ialah *sekiranya, andai kata, jikalau, jika dan kalau*.
Saya akan berpindah kalau diizinkan oleh ibu.
- (d) Keterangan waktu
- unsur yang menerangkan masa sesuatu perbuatan atau kejadian.
 - kata hubung keterangan waktu ialah *sejak, semenjak, setelah, sewaktu, sementara, tatkala dan ketika*.
Dia sakit sejak suaminya meninggal dunia.
- (e) Keterangan pertentangan
- unsur yang menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang berlawanan.
 - kata hubung keterangan pertentangan seperti *walaupun, meskipun, kendatipun, biarpun, walau bagaimanapun, namun, sekalipun dan sedangkan*.
Walaupun badannya letih Amina tetap meneruskan kerja itu.
- (f) Keterangan harapan
- unsur yang menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang dihayati.
 - kata hubung keterangan harapan adalah *supaya, agar, semoga, moga-moga dan kalau-kalau*.
Kita mesti berdoa supaya hajat kita tercapai.
- (g) Keterangan cara
- unsur yang menerangkan gaya atau kaedah sesuatu perbuatan atau kejadian berlaku.
 - kata hubung keterangan cara ialah *dengan*.
Pemuda itu datang ke sini dengan menaiki bas.
- (h) Keterangan tujuan
- unsur yang menerangkan maksud bagi sesuatu perbuatan atau kejadian.
 - kata hubung keterangan tujuan adalah *untuk, demi dan bagi*.
Para pemimpin menyusun strategi demi memutuskan rangkaian virus Covid-19.
- (i) Keterangan perbandingan
- unsur yang menerangkan kejadian yang menjadi persamaan.
 - kata hubung keterangan perbandingan adalah *seperti, macam, seolah-olah, seakan-akan, ibarat, bagaikan dan bak*.
Dia kebingungan seperti rusa masuk kampung.

AYAT MAJMUK CAMPURAN

1. Ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat iaitu yang terdiri daripada *campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk* atau *deretan berbagai-bagai jenis ayat majmuk*.
2. Ayat sedemikian biasanya panjang.
3. Contoh:

Alia sedang membaca buku tetapi sahabat karib tidur kerana keletihan.

(i) Alia sedang membaca buku.

(ii) Sahabat karib tidur.

(iii) Sahabat karib keletihan.

Dalam ayat ini terdapat gabungan ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan keterangan.

TEMA 15: ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI**TEMA 16: DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN****JENIS-JENIS AYAT – AYAT PENYATA, TANYA, PERINTAH, SERUAN (HAL. 213, 223)
(TATABAHASA DEWAN –halaman 422-432)****AYAT PENYATA**

1. Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan.
2. Ayat penyata mempunyai tujuan menyatakan atau memberi keterangan tentang sesuatu hal.
3. Ayat jenis itu disebut juga sebagai *ayat berita* atau *ayat keterangan*.

Hamidah membeli rantai itu.

Pokok di hadapan sekolah itu rendah.

AYAT TANYA

1. Ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal.
2. Dengan berdasarkan nada suara dan penggunaan perkataan tertentu, ayat tanya dapat dibahagikan kepada:
 - (i) Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya
 - ayat yang lazimnya diucapkan dengan nada suara meninggi sebelum kesenyapan pada akhir ayat.
 - dalam tulisan, nada tanya ini dilambangkan dengan tanda soal(?).
Kamu sudah makan?
 - Ayat tanya jenis ini boleh disertai partikel tanya *-kah*.
Kamu sudah makankah?
 - (ii) Ayat Tanya Dengan Kata Tanya
 - ayat tanya yang menggunakan kata tanya seperti *apa, siapa, berapa, mengapa, bagaimana* dll
 - terdiri daripada dua golongan
 - (a) ayat tanya dengan kata ganti nama tanya
 - ayat mengandungi kata ganti nama tanya seperti *apa, siapa, mana*
 - dalam susunan biasa, kata ganti nama tanya menduduki unsur predikat
Benda itu apa?
 - boleh mengalami proses pendepanan predikat.
Apakah benda itu?
 - (b) ayat tanya dengan frasa sendi nama tanya
 - ayat-ayat yang didahului oleh frasa sendi nama tanya seperti *di mana, dari mana, ke mana, sejak bila, sampai bila, bagaimana, dengan siapa, daripada siapa* dll.
 - dalam susunan biasa, kata tanya hadir dalam predikat.
Anak Puan Mila berkahwin dengan siapa?
 - ayat-ayat itu boleh mengalami proses pendepanan predikat
Dengan siapakah anak Puan Mila berkahwin?

AYAT PERINTAH

1. Ayat perintah ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.
2. Perintah ditujukan kepada orang kedua dengan menggunakan kata ganti nama orang kedua seperti *awak, engkau, kamu* yang biasanya digugurkan.
3. Ayat perintah dibahagikan kepada:
 - (i) Ayat Suruhan
 - ayat suruhan ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan memberi perintah atau arahan.
 - dalam ayat suruhan subjek ialah kata ganti nama orang kedua yang biasanya digugurkan.
 - walau bagaimanapun, kerana tujuan penegasan, subjek juga boleh diucapkan.
Pergi dari sini.
Pukul ular itu.
 - ayat suruhan boleh menggunakan partikel *-lah* untuk melembutkannya dan menegaskan predikat.
Pergilah dari sini.
 - bagi KKT yang menerima awalan *meN-*, awalan itu digugurkan.
 - bagi KKTT dan menerima awalan, awalan tersebut tidak boleh digugurkan.
Menangislah sepuas-puas hati kamu.

(ii) Ayat Larangan

- ayat larangan ialah ayat yang menggunakan kata larangan seperti jangan, usah dan tak usah sebelum KK dengan tujuan menegah seseorang melakukan sesuatu.
Jangan berdiri di situ.
- ayat larangan boleh dilembutkan dengan menambahkan partikel penegas -lah
Janganlah berdiri di situ.

(iii) Ayat Silaan

- ayat silaan ialah ayat yang menggunakan kata silaan seperti *sila* atau *jemput* sebelum kata kerja dengan tujuan menjemput atau mempersilakan seseorang.
- lazimnya kata silaan digunakan pada permulaan ayat.
Sila datang ke rumah saya.
- ayat silaan boleh dilembutkan dengan menambahkan partikel penegas -lah
Silalah datang ke rumah saya.

(iv) Ayat Permintaan

- ayat permintaan ialah ayat yang menggunakan kata permintaan seperti minta dan tolong dengan tujuan memohon permintaan dan pertolongan
Minta saudara dan saudari berdiri sebentar.
Tolong tutup pintu itu.

4. Bentuk-bentuk ayat silaan dan permintaan biasanya tidak membawa pengertian yang negatif.

Sila jangan bising. sepatutnya Jangan bising.

Tolong jangan merokok. sepatutnya Jangan merokok.

5. Ayat-ayat larangan dapat juga dilembutkan dengan menggunakan perkataan *harap* pada bahagian hadapan.
Harap jangan bising.

AYAT SERUAN

1. Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan.
2. Tujuan untuk melahirkan suatu keadaan perasaan seperti takut, marah, takjub, geram, sakit dll.
3. Intonasi seruan digambarkan dalam tulisan dengan tanda seru(!).
4. Kata seru yang sering digunakan ialah *oh, amboi, wah, cis, aduh, syabas, celaka, aduhai, wahai, eh* dll.
Amboi, cantiknya baju kamu!
Cis, berani kaudatang ke mari!

SEKIAN PERKONGSIAN ILMU